

TAHAP KEPUASAN BERKHIDMAT DI MALANGAI
PENGEMUSI CAWANGAN SUCI DI
NEGERI MELAKA

A. SAMAN A/L K.G. ANTHONY PIR

SERAJAH PENGURUSAN

SEN 1997/98

019901



106510

SINOPSIS

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai tahap kepuasan berkhidmat di kalangan pengerusi cawangan MIC di negeri Melaka. Kajian ini juga bertujuan untuk mencari hubungan di antara kepuasan berkhidmat berdasarkan faktor-faktor demografi seperti umur, tempoh berkhidmat, tahap pendidikan, agama, pendapatan dan status perkahwinan.

Sejumlah 35 orang pengerusi cawangan dari kelima lima Bahagian Parlimen telah menyertai kajian ini. Kajian ini telah menggunakan JDI bagi mengukur tahap kepuasan berkhidmat/ kerja. Data-data yang diperolehi telah dianalisa dan hubungan di antara pengubahbolehsandaran dan pengubahbolehs bebas telah dikaji.

Dengan menggunakan instrumen Chi-square didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan berkhidmat dengan merujuk kepada semua unsur demografi yang berkaitan kecuali item demografi 'pendapatan'. Secara keseluruhan tahap kepuasan berkhidmat di kalangan pengerusi cawangan MIC di negeri Melaka adalah tinggi.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN DAN RASIONAL KAJIAN

Pengerusi Malaysian Indian Congress (MIC) di peringkat cawangan merupakan individu yang paling penting dan berpengaruh dalam struktur organisasi MIC di negara kita. Kepimpinan mereka mempengaruhi suasana dan corak politik berperingkat-peringkat sampai ke peringkat kebangsaan. Mereka bukan hanya merupakan pentadbir parti tetapi juga berperanan sebagai 'mata dan telinga' bagi parti MIC dan kerajaan Barisan Nasional. Ini kerana kejayaan atau pencapaian objektif parti bergantung terutamanya kepada keupayaan pengerusi cawangan melaksanakan segala dasar yang digubal di peringkat atas iaitu parti dan kerajaan.

Pengerusi cawangan juga merupakan 'role model' yang amat berkesan kepada ahli-ahli MIC di peringkat cawangan. Tugas dan tanggungjawab mereka meliputi tugas sebagai pengurus, penyelaras program parti, penghubung di antara pemimpin atasan dengan ahli-ahli peringkat bawah, sumber pengetahuan serta pembimbing.

Menjelang abad ke-21, peranan pengerusi cawangan MIC di Malaysia menjadi semakin berat dan mencabar terutama sekali dalam menjayakan matlamat dan objektif parti (Lampiran A). Ini kerana kebelakangan ini parti IPF (Indian Progresif Front) sedang berusaha untuk muncul sebagai parti politik pilihan kedua bagi orang-orang India di Malaysia. Maka, boleh dikatakan bahawa kini pengerusi cawangan MIC mengalami tekanan tegas yang lebih dibandingkan dengan tempoh waktu sebelum wujudnya IPF. Konflik terpendam juga wujud apabila

pengerusi cawangan terpaksa memainkan peranan aktif untuk menghalang ahli-ahli MIC berhijrah ke parti-parti politik yang lain seperti IPF, PPP dan DAP; yang dianggap menarik 'minat' orang-orang India.

Selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam parti politik utama orang-orang Melayu iaitu UMNO dan parti politik utama orang-orang Cina iaitu MCA, maka pengerusi cawangan MIC perlulah memperlengkapkan diri dengan pengetahuan terkini terhadap arus perkembangan politik yang berlaku dalam semua parti politik tempatan, memahami kehendak dan hasrat pemimpinan atasan, memperlengkapkan diri dengan kemahiran interpersonal yang murni supaya kehendak serta masalah ahli-ahli dapat diberi tumpuan yang sewajarnya.

Sebagai seorang pentadbir parti di peringkat akar umbi, haruslah mereka menghayati segala dasar yang diperkenalkan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional. Mereka haruslah menghayati secara serius Wawasan 2020 dan arah negara kita untuk mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020. Para pentadbir parti bukan sahaja membuat keputusan tetapi juga bertanggungjawab ke atas proses membuat keputusan.

Aliran autoriti sistem politik MIC di negara kita adalah dari atas ke bawah, iaitu dari MIC peringkat Pusat ke MIC peringkat Negeri, ke MIC peringkat bahagian dan ke peringkat cawangan. Pengerusi cawangan MIC menerima pelbagai arahan dan tugas dari pelbagai pihak atasan, di samping perlu memahami harapan ahli-ahlinya, dari parti, ahli-ahli parti komponen serta ahli masyarakat secara meluas. Wynn dan Guditus (1984) mengatakan struktur organisasi mempunyai kesan signifikan terhadap stress individu yang bekerja dalam organisasi ini. Reka bentuk organisasi menetapkan peranan, kuasa dan struktur di dalam sistem. Struktur tersebut mempunyai kesan terus terhadap prestasi kerana ia merupakan punca stress yang paling menghasilkan konflik.

Mahmood Nazar Muhamad (1989) juga melaporkan pentadbir dan profesional di Malaysia mengalami stress dalam struktur birokrasi yang selari dengan kehidupan peribadi dan awam mereka.

Bertitiktolak daripada fenomena dan perubahan berkenaan, maka pelbagai kekangan wujud di kalangan pengerusi cawangan MIC kerana mereka merupakan orang yang sentiasa berada di "tengah-tengah" - tidak mempunyai kuasa mutlak kerana terikat kepada arahan dari Peringkat Pusat dan Negeri (M. Vivekananthan, 1996). Namun begitu, dapatlah dilihat semasa pimpinan Dato' Seri S. Samyvellu, usaha murni dilaksanakan ke arah penurunan kuasa kepada yang bawah dengan kewujudan peringkat 'Bahagian', seperti yang diamalkan dalam UMNO. Dengan 'empowerment' ini dapatlah pengerusi cawangan bertindak berlandaskan objektif parti dalam membantu menyelesaikan masalah ahli peringkat bawah. Pada umumnya, sesorang pentadbir parti di semua peringkat akan mengalami kesukaran untuk memaksakan kewibawaan mereka ke atas ahli-ahlinya sekiranya mereka sendiri kurang berkemahiran dalam hal-hal parti. Mereka harus mewujudkan kecekapan yang berkaitan kalau mereka ingin menyempurnakan fungsi mereka sebagai pentadbir parti. Kebelakangan ini, dalam Persidangan Agung MIC ke 51, Presiden Kebangsaan MIC Datuk Seri S.Samyvellu meluahkan persaan bahawa semua pemimpin cawangan berkurangan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat. Pada hemat beliau, kekurangan kemahiran ini akan menghambat mereka berkhidmat kepada rakyat secara berkesan di masa kelak nanti. Ekoran ini, pengerusi cawangan akan berasa kurang puas hati dalam pelaksanaan khidmat kepada ahli-ahlinya.

Kepimpinan boleh ditakrifkan sebagai kebolehan sesorang mempengaruhi orang lain, khususnya, orang-orang di bawah jagaanya melaksanakan sesuatu tugas mereka dengan penuh kesungguhan dan kerelaan hati. Dengan perkataan lain,